

25 JUL 2003

Filipina-Damai (Bergambar)/I

PROSES DAMAI FILIPINA-MILF KINI DI PERINGKAT TERAKHIR

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Speaker Parlimen Filipina Jose de Venecia berkata proses perdamaian kini di peringkat penyelesaian muktamad bagi menamatkan konflik hampir tiga dekad antara kerajaan dan gerila pemisah Islam di selatan negara itu.

Beliau berkata proses perdamaian itu dapat dilakukan kerana peranan aktif dan dinamik oleh Malaysia bersama negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) khususnya Indonesia and Libya serta sokongan Washington.

de Venecia berkata kerajaan Filipina and Kongres Amerika Syarikat juga menyediakan pakej ekonomi dan sosial yang penting bagi menyokong pelan damai antara kerajaan dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di Mindanao.

"Kami harap dengan bantuan baik dan peranan aktif oleh Malaysia, negara-negara OIC dan Amerika Syarikat, sebagai pihak penyelarar ketiga, kami akhirnya boleh menyelesaikan perjanjian itu.

"Kami percaya, kami sedang menuju peringkat muktamad," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Speaker Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

de Venecia mengetuai tujuh anggota delegasi termasuk Penasihat Presiden Untuk Proses Perdamaian, Eduardo R. Ermita dalam lawatan selama 10 jam ke Malaysia.

Barisan MILF dengan kekuatan 12,500 anggota menentang kerajaan bagi mendapatkan kemerdekaan negara Islam di selatan Filipina sejak 1978.

Kerajaan Filipina menangguk rundingan damai, anjuran Malaysia, dengan MILF berikutan serangan ke atas bandar Siocon di Mindanao pada awal Mei lepas yang mengorbankan 34 nyawa. Manila menyalahkan MILF atas serangan itu.

Pada 19 Julai lepas, kedua-dua pihak bersetuju menghentikan pertempuran bagi membuka jalan ke arah rundingan damai.

de Venecia berkata tarikh rundingan damai itu akan ditentukan oleh kerajaan Malaysia.

de Venecia mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana peranan Malaysia membantu mencari kedamaian berkekalan di Filipina.

Sementara itu, Ermita memberitahu pemberita bahawa Manila yakin rundingan damai akan berjalan lancar dengan bantuan Malaysia dan pemberhentian pertempuran antara kedua-dua pihak.

"... kami harus mencapai perjanjian dengan segera. Keyakinan kami berdasarkan bantuan kerajaan Malaysia," katanya.

Katanya Manila juga meminta Malaysia memantau gencatan senjata antara kerajaan Filipina dan MILF.

Dalam perkembangan lain, de Venecia berkata negaranya mencadangkan penubuhan Dana Anti Kemiskinan Asean bagi membantu menangani kemiskinan di rantau ini.

Beliau juga menjemput Dr Mohamed Zahir menghadiri Persidangan Damai Parlimen Asia di Manila bulan depan.

Mengenai perbincangan dengan de Venecia, Dr Mohamed Zahir berkata mereka menyentuh mengenai cadangan menubuhkan Parlimen Asean.

Menyifatkan cadangan itu sebagai idea bagus, beliau berkata negara-negara Asean boleh bekerjasama bagi menggubal perundangan bersama antara lain bagi membantu melicinkan perjalanan dan penguatkuasaan.

Sebagai contoh, negara Asean sudahpun mempunyai perundangan yang sama

bagi menangani masalah pengedaran dadah, katanya.

"Kami masih memikirkan idea itu. Kami masih berunding kerana masih ada negara Asean yang tidak mempunyai Parlimen," katanya.

-- BERNAMA

RV AHH DC RON